



SOALAN LAZIM (FAQ) MENGENAI RAYUAN GERAN KHAS PRIHATIN

1. Bilakah tarikh tempoh permohonan Rayuan Geran Khas PRIHATIN (GKP) bermula?

Permohonan rayuan boleh dibuat bagi pemohon berstatus TIDAK LULUS bermula 3 Jun sehingga 15 Jun 2020.

2. Bagaimanakah prosedur untuk mengemukakan permohonan Rayuan GKP?

Permohonan Rayuan GKP perlu dibuat secara dalam talian sahaja menerusi Portal GKP (<https://gkp.hasil.gov.my>). Tiada permohonan Rayuan GKP secara manual di cawangan-cawangan LHDNM.

3. Apakah dokumen sokongan yang diperlukan bagi membuat permohonan Rayuan GKP?

Dokumen sokongan yang perlu dimuat naik di Portal GKP oleh pemohon bagi setiap kategori rayuan adalah seperti berikut:

KOD ALASAN	ALASAN TIDAK LULUS	DOKUMEN
01	Pekerja melebihi 4 orang	<ul style="list-style-type: none">Borang Pendaftaran Majikan PERKESO / Borang Pendaftaran Pekerja PERKESO / Borang 8A PERKESO / Borang Permohonan Pendaftaran Majikan KWSP / Borang A KWSP / dokumen sokongan yang berkaitan
03	Tiada pendapatan – perniagaan dianggap tidak aktif	<ul style="list-style-type: none">Penyata kewangan bagi tahun berakhir 2018 / 2019
05	Jualan melebihi RM300,000	
04	VIP / Individu Berprofil Tinggi	<ul style="list-style-type: none">Pengakuan pemohon / surat akuanDokumen sokongan berkaitan
06	Pasangan telah lulus	<ul style="list-style-type: none">Rujuk jawapan pada soalan No. 4
07	Tidak berdaftar dengan SSM / LHDNM / PBT	<ul style="list-style-type: none">Sijil Pendaftaran Perniagaan

Setiap permohonan rayuan hanya dibenarkan memuat naik 3 lampiran dokumen sokongan yang bersaiz maksimum 2MB bagi setiap dokumen. Format dokumen yang dibenarkan adalah JPEG, JPG, PDF dan PNG sahaja.

4. Mengapakah saya gagal untuk membuat Rayuan GKP bagi permohonan berstatus TIDAK LULUS?

Permohonan Rayuan GKP tidak boleh dibuat bagi situasi seperti berikut;

- Melaporkan jumlah jualan melebihi RM300,000 pada borang permohonan GKP;
- Pasangan telah membuat permohonan berasingan dan lulus GKP bagi perniagaan yang sama;

- iii. Perniagaan didaftarkan pada tahun 2020; atau
- iv. Perniagaan tidak didaftarkan dengan agensi kerajaan.

5. Saya berstatus TIDAK LULUS atas Perniagaan A, adakah saya boleh membuat permohonan Rayuan GKP atas Perniagaan B?

Pertukaran perniagaan bagi tujuan Rayuan GKP adalah tidak dibenarkan.

6. Semakan status permohonan GKP saya TIADA REKOD, adakah permohonan Rayuan GKP boleh dibuat?

Tempoh permohonan GKP telah ditutup pada 15 Mei 2020 (Jumaat). Tiada permohonan baharu GKP dalam tempoh Rayuan GKP.

7. Bilakah semakan status permohonan Rayuan GKP boleh dibuat?

Semakan status permohonan Rayuan GKP boleh dibuat mulai 22 Jun 2020 (Isnin) secara dalam talian melalui portal GKP (<https://gkp.hasil.gov.my/>).

8. Bilakah tarikh pembayaran Rayuan GKP akan dibuat?

Pembayaran permohonan Rayuan GKP akan dibuat mulai 29 Jun 2020 (Isnin).

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya status pembayaran GKP adalah Gagal Kredit?

Sekiranya status pembayaran adalah Gagal Kredit, tuan perlu mengemaskini maklumat Akaun Bank Persendirian di menu Kemaskini No. Akaun pada Portal GKP (<https://gkp.hasil.gov.my/>).

Akaun bank yang dikemaskini hendaklah Akaun Bank Persendirian atas nama pemohon GKP (bukan akaun bank perniagaan) dan berstatus aktif.

10. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya tidak mempunyai akaun bank selain dari akaun bank yang telah saya daftarkan pada permohonan GKP sebelum ini?

Pemohon dikehendaki untuk membuat pengesahan dengan pihak bank berkaitan status aktif akaun bank tersebut dan akaun bank itu adalah Akaun Bank Persendirian atas nama pemohon GKP (bukan akaun bank perniagaan).

11. Bilakah pembayaran semula akan dilakukan bagi status Gagal Kredit?

Tarikh pembayaran semula ke akaun bank yang telah dikemas kini akan dimaklumkan semula.

12. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya mempunyai sebarang pertanyaan mengenai status permohonan GKP?

Sebarang pertanyaan mengenai status permohonan GKP boleh hubungi Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara).